



Baby's First Bites

Complementary feeding with confidence

Makanan Pertama Bayi

Memberi makanan pelengkap dengan yakin

6-12
months * bulan



Spearheaded by
Dianjur oleh



Nutrition Society of Malaysia (NSM)

In collaboration with
Dengan kerjasama



Obstetrical & Gynaecological
Society of Malaysia (OGSM)



Malaysian Paediatric
Association (MPA)



National Population & Family
Development Board (LPPKN)

Supported by
Disokong oleh





Spearheaded by
Dianjur oleh



In collaboration with
Dengan kerjasama



Supported by
Disokong oleh



Because Your Child Deserves The Best

The Mother's Smart Choice programme is dedicated to helping mothers nourish their infants for optimal growth, health and development. Based on the current scientific understanding, the guidance of our experts will give you the confidence to know that you are indeed giving baby your very best.

Hanya Yang Terbaik Untuk Anak Anda

Program "Pilihan Bijak Ibu" membantu para ibu memastikan anak mereka mendapat segala khasiat yang diperlu untuk tumbesaran, kesihatan dan perkembangan yang optimum. Nasihat dan bimbingan dari pakar-pakar kami yang berlandaskan bukti saintifik terkini akan memberikan anda keyakinan bahawa anda memberikan hanya yang terbaik untuk anak anda.

Guiding Moms In Infant Nutrition From Newborn To Toddler

- * Phase 1 (2011): Breastfeeding
- * Phase 2 (2012): Complementary Feeding (6-12 m)
- * Phase 3 (2013): Table Foods (1 year and above)

Membimbing Ibu Dari Segi Pemakanan Bayi Dari Lahir Hingga Ke Peringkat Kanak-Kanak

- * Fasa 1 (2011): Penyusuan Susu Ibu
- * Fasa 2 (2012): Makanan Pelengkap (6-12 bln)
- * Fasa 3 (2013): Makanan Pelengkap (1 thn ke atas)

Our Activities in Year 2011 / Aktiviti-Aktiviti Kami di Tahun 2011



Campaign Launch / Majlis Pelancaran



Nurse Talks / Seminar Jururawat



Poster to promote MSC / Poster untuk mempromosikan MSC



Get the Breastfeed with Confidence Guidebook!

Written by experts to help you breastfeed successfully and confidently. Call 03-7960 9788 for your **FREE** copy today. Offer while stocks last.

Dapatkan Buku Panduan berjudul "Menyusu Dengan Yakin"!

Disediakan oleh pakar-pakar bagi membantu anda melakukan penyusuan ibu dengan yakin. Hubungi 03-7960 9788 untuk mendapatkan senaskah secara **PERCUMA**. Selagi stok masih ada.



Chairman/Pengerusi

Dr Tee E Siong, KMN

Members/Ahli-ahli

Ms Fatimah Salim
Prof Dr Poh Bee Koon
Ms Tan Sue Yee
Dr Kiren Sidhu

Published by/Diterbitkan oleh



Spearheaded by/Dianjur oleh



Nutrition Society of Malaysia
c/o Division of Human Nutrition
Institute for Medical Research
Jalan Pahang
50588 Kuala Lumpur
Email: president@nutriweb.org.my

In collaboration with/Dengan kerjasama



Obstetrical & Gynaecological Society of Malaysia
Suite A-05-10, Plaza Mont Kiara
No. 2, Jalan Kiara, Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur
Email: president@ogsm.org.my



Malaysian Paediatric Association
3rd Floor (Annexe Block)
National Cancer Society Building
66, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur
Email: mpaeds@gmail.com




Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Bangunan LPPKN
12B, Jalan Raja Laut
Peti Surat 10416
50712 Kuala Lumpur
Email: penduduk@lppkn.gov.my

Supported by/Disokong oleh



Philips Malaysia Sdn Bhd
Toll Free: 1-800-880-180
www.philips.com.my/AVENT

Mother's Smart Choice
Secretariat/Sekretariat



A-3-6, Block A, 8 Avenue,
Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 7960 9788
Email: matters@ultraworks.biz

***Disclaimer**

This book is not in any way intended to substitute medical advice from your doctor or health professionals. When in doubt, please consult your doctor. The Nutrition Society of Malaysia (NSM), Malaysian Paediatric Association (MPA), Obstetrical & Gynaecological Society of Malaysia (OGSM), National Population and Family Development Board (LPPKN) are not liable from any issue arising from the use of this book.

NSM, OGSM, MPA and LPPKN do not endorse any products and are not responsible for any claims made in the advertisements.

Intellectual property is vested in the Mother's Smart Choice (MSC) programme. No part of this book shall be reprinted without the written permission from the Expert Panel of MSC.

***Penolakan tuntutan**

Buku ini sama sekali tidak bertujuan untuk menggantikan nasihat doktor anda atau pakar profesional kesihatan. Segala kemasykilan hendaklah dirujuk kepada doktor anda. Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA), Persatuan Obstetrikal dan Ginekologikal Malaysia (OGSM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia (LPPKN) tidak bertanggungjawab atas apa-apa isu yang berbangkit daripada penggunaan buku ini.

NSM, OGSM, MPA dan LPPKN tidak mengesyorkan sebarang produk dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang akuan daripada iklan-iklan yang disiarkan.

Kandungan buku ini adalah hak cipta sepenuhnya program Mother's Smart Choice (MSC). Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian dalam buku ini tanpa kebenaran bertulis daripada Panel Pakar MSC.



CHAPTER 1: OFF TO A SOLID START! 8

BAB 1: PERMULAAN YANG KUKUH

- Complementary feeding: what is it? 8
Apa itu makanan pelengkap?
- Start at six months or older 8
Mulakan pada umur enam bulan atau lebih
- Why complementary feeding should not start before six months? 9
Mengapa pemberian makanan pelengkap tidak harus dimulakan sebelum enam bulan?
- What about milk after 6 months? 14
Bagaimana dengan susu selepas 6 bulan?
- Breastfeeding – still great for your baby 16
Penyusuan susu ibu masih berkhasiat untuk bayi anda
- If you are not breastfeeding 17
Jika anda tidak menyusukan bayi

CHAPTER 2: FIVE GOLDEN RULES 19

BAB 2: LIMA PEDOMAN UTAMA

- Start from 6 months onward 19
Mula dari umur 6 bulan
- Give enough food to meet his energy needs 20
Beri makanan secukupnya untuk memenuhi keperluan tenaganya
- Give a variety of nutrient-rich foods for his growth and development 21
Beri pelbagai makanan yang berkhasiat untuk tumbesaran dan perkembangannya
- Increase the frequency of your baby's feeding according to his age 24
Tingkatkan kekerapan memberi makanan mengikut umurnya
- Vary food preparation methods as your baby grows older 25
Ubah cara menyediakan hidangan apabila umur bayi meningkat

CHAPTER 3: COOKING FOR YOUR BABY	27
BAB 3: MEMASAK UNTUK BAYI ANDA	
Home-cooked or commercial baby foods? Masak sendiri atau makanan bayi komersial?	27
Let's get cooking! Mari memasak!	28
Storing and keeping baby's food Menyimpan makanan bayi anda	35
CHAPTER 4: EASY 'N HEALTHY RECIPES	39
BAB 4: RESEPI-RESEPI MUDAH DAN BERKHASIAT	
CHAPTER 5: THE ART OF FEEDING	
BAB 5: SENI MEMBERI MAKAN	
Introducing complementary food to your baby Memperkenalkan makanan pelengkap kepada bayi anda	61
Food allergy and your baby Alahan dan bayi anda	62
Encouraging your baby to eat Menggalakkan bayi anda untuk makan	62
Why won't your baby eat? Mengapa bayi anda enggan makan?	63
Is your baby full? Adakah bayi anda sudah kenyang?	65
Travelling with your baby Berjalan jauh dengan bayi anda	66
CHAPTER 6: WORKING WITH CAREGIVERS	69
BAB 6: BEKERJASAMA DENGAN PENJAGA BAYI	
CHAPTER 7: IS YOUR BABY EATING ENOUGH?	73
BAB 7: ADAKAH BAYI ANDA MENDAPAT MAKANAN SECUKUPNYA?	





Complementary Feeding: You Can Do It Right!

As your baby grows, it is time to introduce him to complementary foods. Complementary foods are important because, after six months, milk alone will not be able to provide all the nutrients needed for your baby's growth and development.

The importance of appropriate complementary feeding is increasingly overlooked by mothers today. Many working mothers believe that complementary feeding is time consuming. Some mothers also expect the baby to be able to eat solid food on his own.

Actually, babies need to be taught the appropriate way to consume solid food. The mother should nurture her baby's eating skills by giving him the right types of food at the right time.

Following the publication of **Breastfeed with Confidence** last year, **Baby's First Bites** is published this year to help mothers like you nurture your baby's eating skills. After reading this book, you will discover that, with the right approach and planning, you can practise better complementary feeding with your baby. It's really simple once you know the right approach to adopt!

Lastly, I am pleased that **Mother's Smart Choice** is now entering its second phase after a successful first phase. This year, we move the spotlight from breastfeeding to complementary feeding. On behalf of NSM, I would like to thank our partner professional bodies Obstetrical & Gynaecological Society of Malaysia (OGSM), Malaysian Paediatric Association (MPA) and the National Population and Family Development Board (LPPKN) as well as Philip AVENT for their continuous support of MSC.

Dr Tee E Siong
President
Nutrition Society of Malaysia



Makanan Pelengkap:

Anda Boleh Lakukannya Dengan Betul!

Apabila bayi anda membesar, tibalah masanya untuk memperkenalkan makanan pelengkap kepadanya. Makanan pelengkap penting kerana selepas enam bulan, susu sahaja tidak dapat membekalkan kesemua nutrien yang diperlukan untuk tumbesaran dan perkembangannya.

Kepentingan makanan pelengkap yang sesuai semakin kurang diberi perhatian oleh ibu-ibu pada masa kini. Ramai ibu yang bekerja percaya bahawa pemberian makanan pelengkap mengambil masa yang lama. Sesetengah ibu juga mengharapkan agar bayi akan pandai makan dengan sendirinya.

Sebenarnya, bayi-bayi perlu diajar cara yang betul untuk makan makanan pepejal. Si ibu harus memupuk kemahiran bayinya makan makanan dengan memberinya jenis-jenis makanan yang sesuai pada masa yang betul.


Berikutan daripada penerbitan buku panduan **Menyusu Dengan Yakin** pada tahun lepas, **Makanan Pertama Bayi** diterbitkan tahun ini untuk membantu ibu-ibu seperti anda memupuk kemahiran bayi anda makan makanan pepejal. Selepas membaca buku ini, anda akan mendapati bahawa dengan pendekatan dan perancangan yang betul, anda boleh memberi makanan pelengkap kepada bayi anda dengan lebih baik. Ia sangat mudah apabila anda sudah mengetahui cara yang betul untuk diamalkan!

Akhir sekali, saya gembira bahawa **Mother's Smart Choice** (Pilihan Bijak Ibu) (MSC) telah memasuki fasa kedua selepas kejayaan fasa pertamanya. Tahun ini, kami mengubah tumpuan dari penyusuan susu ibu ke pemberian makanan pelengkap. Bagi pihak Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan kongsi profesional kami, Persatuan Obsterikal dan Ginekologikal Malaysia (OGSM), Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) serta Philip AVENT atas sokongan mereka yang berterusan kepada MSC.

Dr Tee E Siong

Presiden

Persatuan Pemakanan Malaysia



Off To A Solid Start!

Complementary feeding: what is it?

Your baby is growing up fast, and it may be time for you to introduce him to other types of food besides milk. Feeding your child foods in addition to milk is called **complementary feeding**.

Start at six months or older

Complementary feeding is recommended for all babies who are **at least six months old**.

Permulaan Yang Kukuh!

Apa itu makanan pelengkap?

Bayi anda sedang membesar dengan pantas, dan mungkin sudah masanya untuk anda memperkenalkan makanan lain selain daripada susu. Memberi anak anda makanan lain selain daripada susu dipanggil **pemberian makanan pelengkap**.

Mulakan pada umur enam bulan atau lebih

Makanan pelengkap disyor diberikan kepada bayi yang berumur **sekurang-kurangnya enam bulan**.



Why Complementary Feeding Should Not Start Before Six Months

Your baby's digestive system may not be mature enough.

- Improper digestion can cause upset tummies, gas, constipation and other problems.
- Higher risk of developing food allergy.

Starting too early can affect breastfeeding.

- Decreases your baby's interest in breastfeeding and affects your milk supply.
- The protective benefits of breast milk against infections are reduced.

Your baby's iron supply may be affected.

- Lack of iron causes anaemia, a condition that can lead to increased risk of mental and physical problems.
- It is better to give your baby only breast milk in the first 6 months, because breast milk contains special substances that help your baby absorb iron better.

Possible higher risk of obesity in later years.

- Complementary feeding, when started too early, can lead to overfeeding and causes increased body fat and weight in childhood.

Mengapa pemberian makanan pelengkap tidak harus dimulakan sebelum enam bulan

Sistem penghadaman bayi anda belum cukup matang.

- Penghadaman yang tidak betul boleh mengakibatkan sakit perut, angin, sembelit dan masalah-masalah lain.
- Risiko lebih tinggi terhadap alahan makanan.

Memulakan terlalu awal boleh mengganggu penyusuan susu ibu.

- Mengurangkan minat bayi terhadap penyusuan susu ibu dan menjejaskan bekalan susu anda.
- Manfaat perlindungan susu ibu terhadap jangkitan akan berkurangan.

Bekalan zat besi bayi anda mungkin terjejas.

- Kekurangan zat besi menyebabkan anemia, satu keadaan yang boleh meningkatkan risiko masalah mental dan fizikal.
- Adalah lebih baik jika anda memberi bayi anda susu ibu sahaja pada 6 bulan pertama kerana susu ibu mengandungi bahan istimewa yang membantu bayi anda menyerap zat besi dengan lebih baik.


Kemungkinan risiko kegemukan meningkat pada kemudian hari.

- Pemberian makanan pelengkap, apabila dimulakan terlalu awal, boleh menyebabkan pengambilan makanan yang berlebihan dan seterusnya meningkatkan lemak badan dan berat badan di peringkat kanak-kanak.

Figure I / Gambarajah I

Energy required (top of each bar) and the amount from breast milk

Keperluan tenaga (puncak setiap bar) dan amaun dari susu ibu



Source/Sumber: Complementary Feeding – Family Foods for Breastfed Children by the Department of Nutrition for Health and Development, World Health Organization (2000)



As your baby grows older, breast milk alone cannot provide all the energy he needs.

Figure 1 shows that as your baby grows older, bigger and more active, he needs more energy (top of each bar). You can also see how much of this energy is supplied by breast milk if the mother breastfeeds frequently (the pink areas).

From 6 months onwards, there is a gap between the baby's energy needs and the energy provided by breast milk. The gap (green areas) becomes bigger as the baby grows older. This means that complementary foods are needed to fill the gap, and the amount of food needed increases as the baby becomes older. If the gap is not filled, the baby may not grow optimally.




Apabila umur bayi anda semakin meningkat, susu ibu sahaja tidak boleh membekalkan kesemua tenaga yang diperlukannya.

Gambarajah 1 menunjukkan bahawa bayi memerlukan lebih banyak tenaga (puncak setiap bar) apabila umur bayi anda meningkat dan dia semakin membesar serta aktif. Anda juga boleh lihat berapa banyak keperluan tenaga ini dapat dipenuhi oleh susu ibu jika ibu menyusukan bayi dengan kerap (ruang merah jambu).

Dari umur 6 bulan, terdapat jurang antara keperluan tenaga bayi dengan jumlah tenaga yang dibekalkan oleh susu ibu. Jurang ini (ruang hijau) semakin luas apabila bayi membesar. Ini bermakna bahawa makanan pelengkap diperlukan untuk mengisi jurang ini. Jumlah makanan yang diperlukan bertambah apabila umur bayi semakin meningkat. Jika jurang ini tidak diisi, bayi mungkin tidak membesar dengan optimum.

Figure 2 / Gambarajah 2

Absorbed iron needed (top of each bar) and the amount from breast milk and body stores at birth
Keperluan zat besi yang diserap (puncak setiap bar) dan amaun dari susu ibu dan simpanan di dalam badan sejak lahir



Source/Sumber: Complementary Feeding – Family Foods for Breastfed Children by the Department of Nutrition for Health and Development, World Health Organization (2000)



As your baby grows older, breast milk alone cannot provide all the nutrients needed, such as iron.

The top of each bar in Figure 2 show the daily amount of iron needed by a baby at different ages. Full-term babies are born with enough iron store (indicated by the pink areas) to cover their needs in the early months. Breast milk provides only a small amount of iron (grey areas), so there is a large gap between what the baby needs and what is provided by breast milk especially in the first year.

After 6 months, the iron store in a baby is used up. This means that complementary food rich in iron is needed to fill the iron gap. If the baby does not receive enough iron, he may suffer from anaemia, especially between 6 to 12 months, as the gap is the biggest during this period.



Apabila umur bayi anda meningkat, susu ibu sahaja tidak boleh membekalkan kesemua nutrien yang diperlukan, seperti zat besi.

Puncak setiap bar di dalam gambarajah 2 menunjukkan jumlah zat besi yang diperlukan oleh seorang bayi setiap hari pada umur yang berbeza. Bayi yang dilahirkan cukup bulan mempunyai simpanan zat besi yang mencukupi (ruang merah jambu) untuk memenuhi keperluannya di peringkat awal. Susu ibu tidak membekalkan banyak zat besi (ruang kelabu), oleh itu terdapat jurang yang luas antara keperluan bayi dengan yang dibekalkan oleh susu ibu terutamanya dalam tahun pertama.

Selepas 6 bulan, simpanan zat besi akan habis digunakan. Ini bermakna bahawa makanan pelengkap yang kaya dengan zat besi diperlukan untuk mengisi jurang zat besi tersebut. Jika bayi tidak mendapat cukup zat besi, dia mungkin mengalami anemia, terutama pada umur antara 6 hingga 12 bulan, memandangkan jurang zat besi adalah paling luas ketika tempoh ini.

What about milk after 6 months?

Milk continues to play an important part in your baby's diet after you have begun complementary feeding.

- It's nutritious. Milk is rich in essential nutrients such as protein, carbohydrate, fat, calcium and more.
- It's versatile. It can be added to many types of complementary food, and many babies just love the taste of milk.
- If you have been breastfeeding your baby, continue to breastfeed on demand even after your baby has started complementary food. Not only is breast milk nutritious, it also contains many special substances that can help protect your baby from infections.

Bagaimana dengan susu selepas 6 bulan?

Susu terus memainkan peranan yang penting dalam diet bayi selepas anda memulakan pemberian makanan pelengkap.

- Ia berkhasiat. Susu kaya dengan nutrien penting seperti protein, karbohidrat, lemak, kalsium dan lain-lain.
- Ia serba guna. Ia boleh ditambahkan ke dalam pelbagai jenis makanan pelengkap, dan kebanyakan bayi suka pada rasa susu.
- Jika anda sedang menyusukan bayi anda, teruskan penyusuan seberapa kerap yang dia mahu walaupun selepas dia mula makan makanan pelengkap. Bukan sahaja susu ibu berkhasiat, ia juga mengandungi banyak bahan istimewa yang boleh melindungi bayi daripada jangkitan.





Is it fine to replace a meal with milk?


Sometimes, especially when you are just starting to introduce complementary food to your baby, he may show a preference for milk over complementary food. When this happens, you can let him have milk between main meals.

However, you should not replace a main meal with milk or milk products. Doing so will deprive your baby of nutrients found in other food groups such as fruits and vegetables. In the long run, this will affect your child's growth and development. Also it will not encourage your baby to accept a wide variety of foods and develop good eating habits.

Bolehkah susu menggantikan hidangan makanan?

Kadang-kala, terutamanya apabila anda baru memulakan makanan pelengkap, bayi anda mungkin lebih gemar kepada susu daripada makanan pelengkap. Apabila ini berlaku, anda boleh membenarkan bayi minum susu di antara hidangan utama.

Walau bagaimanapun, anda tidak harus mengganti hidangan utama dengan susu atau hasil tenusu. Jika anda berbuat demikian, bayi anda tidak akan mendapat nutrien-nutrien lain yang terdapat dalam kumpulan makanan lain seperti buah dan sayur. Dalam jangka masa panjang, ini akan menjejaskan tumbesaran dan perkembangan bayi anda. Ia juga tidak menggalakkan bayi anda untuk menerima pelbagai jenis makanan dan memupuk tabiat makan yang baik.



Breastfeeding – still great for your baby

Along with important nutrients and energy, breast milk continues to provide protective substances that will help reduce the risk of your child getting diarrhoea and other infections.

If you are breastfeeding your baby, keep up the good work! Continue breastfeeding on demand even after your baby has begun enjoying complementary food, until he is **two years old**.

It's Great For Moms Too!

- Breastfeeding helps strengthen the bond between you and your child.
- It burns up to 500 calories a day – great for Moms who want to get back in shape!
- Helps reduce the risk of osteoporosis, heart disease and post-menopausal cancer of the breast, womb and ovaries.

Penyusuan susu ibu masih berkhasiat untuk bayi anda

Bersama dengan nutrien penting dan tenaga, susu ibu terus membekalkan bahan-bahan perlindungan yang akan mengurangkan risiko anak anda mendapat cirit-birit dan jangkitan lain.

Jika anda masih menyusukan bayi anda, teruskan usaha yang murni ini! Terus menyusukan bayi seberapa kerap yang dia mahu walaupun selepas bayi mula menikmati makanan pelengkap, sehingga dia berumur **dua tahun**.

Ia Juga Baik Untuk Ibu!

- Penyusuan susu ibu membantu mengeratkan kasih sayang antara anda dan anak anda.
- Ia membakar sehingga 500 kalori sehari – baik untuk ibu-ibu yang ingin mengembalikan bentuk badan!
- Membantu mengurangkan risiko terhadap osteoporosis, penyakit jantung serta kanser payudara post-menapaus, rahim dan ovari.



Going back to work?

Many mothers believe that it is difficult to continue giving their child breast milk once they go back to work. This is not true. With some preparations, you can express breast milk while at work and bring them home to be stored. That way, your baby's caregiver can still offer your child breast milk.

- **Plan as early as possible.** Don't wait until the last minute.
- **Decide how you'd like to express breast milk.** Some mothers prefer to express by hand, while others find using a breast pump more convenient.
- **Arrange for the care of your baby while you are at work.**

To learn more about breastfeeding, including aspects related to continuing breastfeeding after returning to work, you can get a copy of **Breastfeed with Confidence**, published by **Mother's Smart Choice**.

If you are not breastfeeding

It is recommended that you give your baby a total of **500ml or 2 glasses of milk** a day. Don't give more, as too much milk can affect your child's appetite and make him refuse to eat during meals!



Kembali bekerja?

Ramai ibu percaya bahawa meneruskan penyusuan susu ibu apabila balik bekerja adalah sukar. Ini tidak benar. Dengan sedikit persediaan, anda boleh memerah susu ibu semasa di tempat kerja dan membawanya pulang untuk disimpan. Dengan cara itu, penjaga bayi anda masih boleh memberi susu ibu kepada bayi.

- **Rancang seberapa awal yang boleh.** Jangan tunggu ke saat-saat akhir.
- **Buat keputusan bagaimana cara anda hendak memerah susu.** Sesetengah ibu lebih suka memerah menggunakan tangan dan ada pula yang mendapati lebih mudah menggunakan pam.
- **Aturkan cara penjagaan bayi anda semasa anda bekerja.**

Untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai penyusuan susu ibu, termasuk aspek-aspek mengenai cara untuk meneruskan penyusuan susu ibu selepas balik bekerja, anda boleh mendapatkan naskah **Menyusu dengan Yakin**, terbitan **Pilihan Bijak Ibu**.

Jika anda tidak menyusukan bayi

Adalah disyorkan agar anda memberi sebanyak **500ml atau 2 gelas susu** sehari. Jangan beri lebih kerana terlalu banyak susu boleh mengurangkan selera anak dan membuat dia enggan untuk makan pada waktu makan!



Proud to be most recommended by moms.*



The unique benefit of breastfeeding is something that we take to heart at Philips AVENT. With our Breast Pump Range, we are here to assist mothers today who often have to combine breastfeeding with other activities and responsibilities. To share any experience of your own motherhood or seek advice from other moms, join us at facebook.com/philipsavent.

PHILIPS
AVENT

sense and simplicity

*Based on December 2010 TNS online satisfaction survey conducted among more than 10,000 female users of childcare brands and products in US, UK, France, Germany, Spain, Italy, Netherlands, Poland, Russia and China.

For more information, log on to www.philips.com/AVENT

Customer Care Center: 1800-880-180



Check out our products on iOS now!

Five Golden Rules

Lima Pedoman Utama



Start from 6 months onward.

Here are some signs that your child is ready to enjoy his complementary food.

Mula dari umur 6 bulan ke atas.

Berikut adalah beberapa tanda yang bayi anda sudah bersedia untuk menikmati makanan pelengkap.

- Can control his tongue and neck movements better.
- Start to make up-and-down "munching" movements.
- Can sit up with minimal support.
- Likes to put things into his mouth.
- Shows interest in what you are eating.

- Boleh mengawal lidah dan pergerakan tengkok dengan lebih baik.
- Mula membuat pergerakan mengunyah ke atas-ke bawah.
- Boleh duduk sendiri dengan sokongan yang minimum.
- Suka memasukkan sesuatu ke dalam mulut.
- Menunjuk minat pada apa yang anda makan.

Tips

- Start with just a few teaspoons and increase the amount slowly.
- If your baby is not too keen to try new food, try adding milk to his foods to help him get used to the taste.
- If your baby is still breastfeeding, continue to do so until your baby is 2 years old!

Tip-tip

- Mula dengan beberapa sudu kecil dan tingkatkan amaun secara perlahan-lahan.
- Jika bayi anda tidak berapa minat untuk mencuba makanan baru, cuba tambahkan susu ke dalam makanannya untuk membantu dia membiasakan diri dengan rasa makanan.
- Jika bayi anda masih menyusu susu ibu, teruskan sehingga dia berumur 2 tahun!

2

Give enough food to meet his energy needs.

Just like everyone else, your baby gets his energy from his food. Because your baby is growing quickly, he should be given enough energy-rich food to meet his daily needs. Foods rich with carbohydrates and fats are good sources of energy.

Beri cukup makanan untuk memenuhi keperluan tenaganya.

Seperti orang lain, bayi anda mendapat tenaganya daripada makanan. Oleh kerana bayi anda membesar dengan cepat, dia harus dapat makan secukupnya makanan yang kaya dengan tenaga untuk memenuhi keperluan hariannya. Makanan yang kaya dengan karbohidrat dan lemak adalah sumber baik untuk tenaga.

Carbohydrate / Karbohidrat

- Rice
- Cereals
- Grains
- Beras
- Bijirin
- Bijian

Fat / Lemak

- Butter
- Oil
- Dairy products
- Mentega
- Minyak
- Hasil tenusu

Tips

- Give your baby a variety of energy-rich food such as:
 - ✓ Cereals: porridge, rice, bread and others
 - ✓ Tubers: potatoes, sweet potatoes and others
- Generally, when your baby is 6 to 8 months old, give $\frac{1}{2}$ cup of thick rice porridge at each main meal.
- If your child is underweight, you can add about $\frac{1}{2}$ teaspoon of oil, butter or margarine in each main meal, up to a maximum of 2 teaspoons per day.
- Avoid adding salt, sugar or salty sauces (such as soya sauce) into your baby's food.

Tip-tip

- Beri bayi anda pelbagai makanan yang kaya dengan tenaga seperti:
 - ✓ Bijirin: bubur, nasi, roti dan lain-lain
 - ✓ Ubi-ubian: kentang, keledek dan lain-lain
- Secara amnya, apabila bayi anda berumur di antara 6 hingga 8 bulan, beri $\frac{1}{2}$ cawan bubur pekat pada setiap waktu makan utama.
- Jika bayi anda kurang berat badan, anda boleh tambah $\frac{1}{2}$ sudu kecil minyak, mentega atau majerin pada setiap hidangan utama, sehingga maksimum 2 sudu kecil sehari.
- Elak daripada menambah garam, gula atau sos-sos masin (seperti kicap) ke dalam makanan bayi anda.

3

Give a variety of nutrient-rich foods for his growth and development.

What kind of food should you give your baby?

Your baby can consume almost any type of food, as long as the amount and texture is suitable to be eaten and digested at his age. If you have any concerns about a particular type of food, consult your baby's doctor for advice.

What kind of nutrients does your baby need?

Here are just some of the nutrients needed by your baby:

Nutrient	Why it's good for your baby	Examples of food sources
Protein	Needed for many of the body's essential functions such as digestion and protection from diseases.	Meat, fish, egg yolk, legumes
Iron	For the production of red blood cells, which carry oxygen to every part of the body.	Red meat, meat organs (liver, giblets), prune juice, raisins, pumpkins, dark green leafy vegetables
Zinc	Essential for your baby's growth.	Chicken, beef, legumes
Calcium	Important for strong bones and teeth.	Milk and other dairy products
Vitamin A	Helps promote good vision and growth. Strengthens your baby's immune system.	Meat organs, carrots, pumpkins, papaya
Vitamin C	Needed in many important functions of the body, such as growth, healing and protection from infections.	Oranges, papayas, tomatoes
Folate	Needed to make DNA and RNA, genetic materials essential for the production of new cells in the body.	Dark green leafy vegetables such as kai lan and spinach, fruits such as tomatoes and oranges



3

Beri pelbagai makanan yang berkhasiat untuk tumbesaran dan perkembangannya.

Apakah jenis makanan yang anda harus beri kepada bayi anda?

Bayi anda boleh makan kebanyakan jenis makanan, asalkan amaun dan teksturnya sesuai untuk dimakan dan dihadam bagi peringkat umurnya. Jika anda bimbang tentang sesuatu jenis makanan, dapatkan nasihat daripada doktor bayi anda.

Apakah jenis nutrien yang bayi anda perlu?

Berikut ialah beberapa nutrien yang diperlukan oleh bayi anda:

Nutrien	Mengapa ia baik untuk bayi anda	Contoh sumber makanan
Protein	Diperlukan untuk kebanyakan fungsi penting tubuh seperti penghadaman dan perlindungan terhadap penyakit.	Daging, ikan, kuning telur dan kekacang
Zat besi	Untuk menghasilkan sel darah merah yang membawa oksigen ke semua bahagian tubuh.	Daging merah, organ dalaman (hati, jantung, hempedal), jus buah prun, kismis, labu, sayur berdaun hijau
Zink	Penting untuk tumbesaran bayi anda.	Ayam, daging lembu, kekacang
Kalsium	Penting untuk gigi dan tulang yang kukuh	Susu dan hasil tenusu
Vitamin A	Bantu merangsang tumbesaran dan penglihatan. Mengukuhkan sistem imun bayi anda.	Organ dalaman, lobak merah, labu dan betik
Vitamin C	Diperlukan untuk pelbagai fungsi penting tubuh, seperti tumbesaran, pemulihan dan perlindungan daripada jangkitan.	Oren, betik, tomato
Folat	Diperlukan untuk menghasilkan DNA dan RNA, bahan genetik penting bagi penghasilan sel-sel baru dalam tubuh.	Sayur berdaun hijau seperti kai lan dan bayam, buah seperti tomato dan oren



Tips

- Give your baby food from animal sources every day, such as meat, poultry, fish or egg yolk. They are rich sources of protein, iron and zinc.
- When introducing your baby to dairy products, avoid low fat milk, skimmed milk, sweetened condensed milk and creamer. Choose milk with no or less added sugar.
- If your baby is not eating enough milk and food from animal sources, offer cereals and legumes in the same meal.
- Give him fruits and vegetables of different colours.
- Give your baby not more than 100ml or ½ cup of fruit juice a day. This will make sure that his appetite will not be affected during mealtimes.

Let your baby drink fruit juices in moderate amount.

Drinking too much juice can lead to excessive calorie intake, tooth cavities (dental caries), diarrhoea, and digestive problems such as excessive gas, bloating and abdominal pain.

Tip-tip

- Beri bayi anda makanan daripada sumber haiwan setiap hari, seperti daging, ayam, ikan atau kuning telur. Ia adalah sumber yang kaya dengan protein, zat besi dan zink.
- Apabila memperkenalkan hasil tenusu kepada bayi anda, elakkan susu rendah lemak, susu skim, susu pekat manis dan krimer. Pilih susu yang tiada atau kurang kandungan gula tambahan.
- Jika bayi anda tidak minum cukup susu dan makanan daripada sumber haiwan, berikan bijirin dan kacang dalam hidangan yang sama.
- Beri dia buah dan sayur pelbagai warna.
- Beri bayi anda tidak lebih daripada 100ml atau ½ cawan jus buah sehari agar selera bayi tidak terganggu semasa waktu makan.

Beri bayi anda jus dalam amaun yang sederhana.

Terlalu banyak jus boleh menyebabkan pengambilan kalori yang berlebihan, kaviti gigi, cirit-birit, dan masalah penghadaman seperti angin berlebihan, kembung dan sakit perut.

4

Increase the frequency of your baby's feeding according to his age.

- When your baby is **6 to 8 months old**, give him complementary food **2 to 3 times a day** with **1 to 2** nutritious snacks.
- Babies **9 to 11 months old** should be fed **3 to 4 times a day** with **1 to 2** nutritious snacks.
- However, if your baby consumes low amounts of milk or energy-dense food, he may require a higher number of meals.
- You should be attentive to your child's hunger cues when judging how often and how much to feed your baby.

Tingkatkan kekerapan memberi makan mengikut umurnya.

- Apabila bayi anda berumur **6 hingga 8 bulan**, beri dia makanan pelengkap **2 hingga 3 kali sehari** dan **1 hingga 2** snek berkhasiat.
- Bayi berumur **9 hingga 11 bulan** harus diberi makan **3 hingga 4 kali sehari** dan **1 hingga 2** snek berkhasiat.
- Namun, jika bayi anda kurang mengambil susu atau makanan yang padat dengan tenaga, dia mungkin perlu makan lebih kerap.
- Anda harus ambil perhatian tanda-tanda bayi anda lapar untuk menganggarkan berapa kerap dan berapa banyak makanan yang perlu diberi kepadanya.



Common possible hunger cues

- Fussiness
- Crying
- Putting hand in mouth
- Chewing movements
- Turning to you when he sees food or when food is offered

Tanda-tanda biasa yang menunjukkan bayi anda mungkin lapar

- Meragam
- Menangis
- Memasukkan tangan ke dalam mulut
- Membuat gerakan mengunyah
- Berpaling ke arah anda apabila dia nampak makanan atau apabila makanan diberi



Vary food preparation methods as your baby grows older.

Ubah cara menyediakan hidangan apabila umur bayi meningkat.

Tips

- Serve blended, mashed and soft foods to your baby at the age of 6 to 8 months.
- Serve chopped foods at the age of 9 to 12 months.
- Nutritious finger foods can also be given.
- Give family food at the age of 12 months onwards.

A note on finger foods

Your baby's first finger foods should be soft, such as small slices of banana or papaya. When your baby starts teething, you can give him harder foods, such as plain biscuits or toast.

Always supervise your baby when he is enjoying his finger foods, as there is a risk of him choking.

Tip-tip

- Hidangkan makanan yang dikisar, lecek dan lembut kepada bayi anda pada umur 6 hingga 8 bulan.
- Hidangkan makanan yang dicincang pada umur 9 hingga 12 bulan.
- Makanan jejari yang berkhasiat juga boleh diberi.
- Beri makanan keluarga selepas berumur 12 bulan.

Nota mengenai makanan jejari

Makanan jejari pertama bayi anda hendaklah lembut, seperti pisang atau betik yang dipotong kecil. Apabila bayi mula tumbuh gigi, anda bolehlah beri makanan yang lebih keras, seperti biskut tawar atau roti bakar.

Sentiasa awasi bayi anda semasa dia sedang menikmati makanan jejarinya agar tidak tercekik.

Tips to prevent your baby from choking

- Avoid giving chunks of hard food larger than 0.5 cm ($\frac{1}{2}$ of your thumb nail) and supervise your baby during mealtimes to avoid choking.
- Vegetables like carrots, celery, and green beans should be shredded or cooked until soft.
- Cut fruits like grapes into pea-sized pieces before serving.
- Cut meats and cheeses into very small pieces or shred them.
- Remove all bones from fish properly.
- Avoid giving the following to your baby:
 - ✗ Small, hard foods such as candies and nuts
 - ✗ Soft and sticky foods such as jelly or peanut butter

Tip-tip untuk mengelak bayi anda daripada tercekik

- Elak daripada memberi ketulan makanan keras yang lebih besar daripada 0.5sm ($\frac{1}{2}$ kuku ibu jari) dan awasi bayi semasa makan untuk mengelakkan tercekik.
- Sayur seperti lobak merah, batang saderi dan kacang buncis boleh dicincang atau dimasak sehingga lembut.
- Potong buah-buahan seperti anggur sekecil saiz kacang sebelum dihidang.
- Potong kecil atau cincang daging dan keju.
- Buang semua tulang pada isi ikan.
- Elak daripada memberi bayi anda:
 - ✗ Makanan kecil dan keras seperti gula-gula dan kacang
 - ✗ Makanan lembut dan lekit seperti jeli atau mentega kacang.



Cooking For Your Baby

Home-cooked or commercial baby foods?

There are many types of commercial baby foods available in the market, so you may be wondering whether it is easier to give them to your baby instead of preparing his food yourself.

Commercial baby foods are convenient to use such as when you are travelling with your baby, but there are more advantages in giving your baby home-cooked food.

Memasak untuk Bayi Anda

Masak sendiri atau makanan bayi komersial?

Terdapat banyak jenis makanan bayi komersial di pasaran, maka mungkin anda terfikir bahawa memberi bayi anda makanan komersial adalah lebih mudah daripada memasak sendiri.

Makanan bayi komersial memang mudah digunakan, misalnya semasa anda berjalan jauh bersama bayi, tetapi terdapat banyak manfaat memberi bayi makanan yang dimasak sendiri.

Home-cooked is better

- You know exactly what you are feeding your baby.
- You can introduce a wider variety of foods with different tastes and textures to your baby.
- You can also introduce local and natural flavours to your baby.
- It is usually cheaper to prepare foods at home.
- Home-cooked complementary food makes it easier for him to get used to eating family food when he grows older.

Yang dimasak sendiri lebih baik

- Anda tahu apa sebenarnya yang anda beri kepada bayi anda.
- Anda boleh kenalkan pelbagai jenis makanan dengan rasa dan tekstur yang berlainan.
- Anda juga boleh memperkenalkan rasa makanan tempatan dan asli kepada bayi anda.
- Selalunya lebih murah jika masak sendiri.
- Makanan pelengkap yang dimasak sendiri memudahkan bayi membiasakan diri dengan makanan keluarga apabila dia besar kelak.



Let's Get Cooking!

When it comes to your baby's food, you will be doing a lot of blending, mashing and chopping! All these methods produce semi-solid foods that are easier for your baby to enjoy and digest.

Mari Memasak!

Apabila menyediakan makanan bayi, anda akan banyak mengisar, melecek dan mencincang! Semua kaedah ini menghasilkan makanan separa pepejal yang mudah dinikmati dan dihadam bayi anda.

Safety and cleanliness

1. Wash your hands and all utensils thoroughly before handling foods.
2. Do not let raw foods come in contact with cooked foods.
3. Cook all meat thoroughly. Germs may still be present if the meat is not cooked properly.
4. Do not leave foods out in the open at room temperature for more than 2 hours. Keep food covered at all times.
5. Keep leftover foods in a closed container and refrigerate. Freshly cooked foods can be stored for up to 24 hours in the refrigerator or one month in the freezer.
6. When reheating baby food, make sure it is piping hot throughout (usually, there will be steam coming out). Cool the food before you give it to your baby. You can check whether the food is cool enough by testing a small amount of food on the inside of your wrist.

Keselamatan dan kebersihan

1. Cuci tangan dan peralatan dengan bersih sebelum mengendalikan makanan.
2. Jangan biarkan makanan mentah bersentuh dengan makanan yang sudah dimasak.
3. Pastikan daging dimasak secukupnya. Kuman mungkin masih berada di dalam daging jika tidak dimasak dengan betul.
4. Jangan tinggalkan makanan melebihi 2 jam pada suhu bilik. Sentiasa tudungkan makanan.
5. Simpan makanan berlebihan di dalam bekas tertutup di dalam peti sejuk. Makanan baru dimasak boleh disimpan sehingga 24 jam di dalam peti sejuk atau satu bulan di dalam pembeku.
6. Apabila memanaskan semula makanan bayi, pastikan mendidih dan sekata (lazimnya sehingga keluar stim). Sejukkan makanan sebelum diberi kepada bayi. Anda boleh pastikan samada makanan telah sejuk secukupnya dengan meletakkan sedikit makanan di bahagian dalam pergelangan tangan anda.

How to make puree

Pureed foods are great for babies who are just discovering complementary food at 6 months onward.

Cara menyediakan puri

Makanan yang dipuri atau dikisar adalah paling sesuai untuk bayi-bayi yang baru mengenali makanan pelengkap pada umur 6 bulan ke atas.



Clean fruit thoroughly under running water.
Cuci buah dengan menggunakan air yang mengalir.



Remove skin, core and seeds (if present) and cut into cubes or middle-sized pieces.
Buang kulit, empulur serta biji dan potong dadu atau potong sederhana.



If fruit is too hard, steam until soft.
Jika buah terlalu keras, kukus sehingga lembut.



Blend, mash or grate fruit.
Kisar, lecek atau parut buah.



Mix with milk or water to make it soft and runny.
Tambah susu ibu atau air untuk melembut dan mencairkannya.



How to mash

When your baby is older, he is ready to try thicker food. You can begin serving mashed food, such as mashed potatoes, carrots and others.

Bagaimana cara melecek

Apabila umur bayi anda semakin meningkat, dia sudah bersedia untuk mencuba makanan yang lebih pekat. Anda bolehlah memberi makanan yang dilecek, seperti kentang lecek, lobak merah dan sebagainya.



Clean fruit thoroughly under running water.
Cuci buah dengan bersih menggunakan air yang mengalir.



Peel, remove core, and cut into cubes or middle-sized pieces.
Kupas, buang empulur dan potong dadu atau potong sederhana.



If not using soft fruit, steam pieces until soft.
Jika tidak menggunakan buah yang lembut, kukus sehingga lembut.



Place softened fruit in a bowl and mash with a kitchen masher or fork.
Letak buah yang telah lembut ke dalam mangkuk dan lecek menggunakan alat pelecek atau garfu.

How to make fruit juices


A nutritious thirst quencher for baby 6 months or older.

Bagaimana menyediakan jus buah

Minuman yang berkhasiat untuk bayi 6 bulan ke atas.



Clean fruit thoroughly under running water.
Cuci buah dengan bersih menggunakan air yang mengalir.



Remove core and seeds (if present) and cut into cubes or middle-sized pieces.
Kupas, buang empulur serta biji dan potong dadu atau potong sederhana.



Blend pieces in a blender. If you are not using soft fruit, add 30ml of water.
Kisar menggunakan pengisar. Jika anda tidak menggunakan buah yang lembut, tambahkan 30ml air.



Filter through a sieve.
Tapis menggunakan penapis.

How to make stock

Homemade stock can be added into stews, porridges, cereals, and soups for added taste. Great for baby as well as the whole family!

Cara membuat stok (air rebusan)

Stok buatan sendiri boleh ditambah ke dalam stew, bubur, bijirin, dan sup untuk menambahkan rasa. Baik untuk bayi serta seisi keluarga!

A. Vegetable Stock / Stok Sayuran



Wash vegetables, cut them into pieces and place in a clean pot.

Cuci sayur, potong menjadi kepingan kecil dan masukkan ke dalam periuk bersih.



Add 4 cups of water and boil until vegetables are tender. Turn to low heat and simmer for 30 minutes.

Tambah 4 cawan air dan rebus sehingga sayur lembut. Perlahankan api dan reneh selama 30 minit.



Strain and chill in refrigerator overnight.

Tapis dan sejukkan semalaman di dalam peti sejuk.

- This method produces 800 to 900 ml of stock. You can refrigerate stock for a week or keep it in a freezer for a month.
- The remaining veggies could be blended and added to your baby's food.
- Kaedah ini menghasilkan 800 hingga 900 ml stok. Anda boleh menyimpannya selama seminggu di dalam peti sejuk atau sebulan di dalam pembeku
- Baki sayuran boleh dikisar dan ditambah ke dalam makanan bayi anda.

This method produces 800 to 900 ml of stock. You can refrigerate stock for a week or keep it in a freezer for a month.

Kaedah ini menghasilkan 800 hingga 900 ml stok. Anda boleh menyimpannya selama seminggu di dalam peti sejuk atau sebulan di dalam pembeku.

B. Chicken Stock / Stok Ayam



Remove fat, skin and blood clots from 800g of assorted chicken carcass. Wash thoroughly. Buang lemak, kulit dan darah beku dari tulang ayam. Cuci bersih.



Remove heads and entrails from 2 cups of dried ikan bilis. Buang kepala dan perut dari 2 cawan ikan bilis kering.



Boil chicken bones and ikan bilis in 4 cups of water. Upon boiling, turn to low heat and simmer for 30 minutes. Rebus tulang ayam dan ikan bilis bersama 4 cawan air. Apabila mendidih, rendahkan api dan reneh selama 30 minit.



Strain and chill in refrigerator overnight. Remove the top layer of fat from chilled stock. Tapis dan sejukkan semalaman di dalam peti sejuk. Buang lapisan minyak di atas dan sejukkan stok.

Preparing chopped foods

When your baby has learned how to chew, he is ready to enjoy chopped foods. You can start adding shredded meat and chopped vegetables to his cereals and porridges. Refer to the next chapter for great recipes for your baby.

Menyediakan makanan cincang

Setelah bayi anda belajar mengunyah, dia kini bersedia untuk menikmati makanan cincang. Anda bolehlah mula menambah daging dan sayur yang dicincang ke dalam bijirin dan bubur. Lihat bab seterusnya bagi resepi-resepi untuk bayi anda.

Good examples of chopped food your baby will enjoy

- Cooked and diced vegetables
- Slices of fruit such as banana (halve or quarter the slices at first), peeled apple, pear, melon, mango and ciku
- Soft fruit that you can offer on a spoon, such as papaya and dragon fruit
- Slices of cucumber (peeled at first)
- Cubes of cheese (avoid soft cheeses)
- Rice cakes
- Mashed potatoes and sweet potatoes
- Well-cooked pasta cut into small pieces
- Well cooked and mashed beans
- White fish in small flakes (remove all the bones first!)



Contoh makanan cincang yang sesuai untuk bayi anda

- Sayur yang dimasak dan dicincang
- Hirisan buah seperti pisang (pada mulanya, sebelah atau suku hiris), epal, pir, tembikai, manga dan ciku yang dikupas
- Buah lembut yang anda boleh beri menggunakan sudu seperti betik dan buah naga (dragon fruit)
- Hirisan timun (pada mulanya dikupas)
- Ketulan keju (elakkan keju lembut)
- Apam beras
- Kentang dan keledak lecek
- Pasta yang dimasak hingga lembut dan dipotong kecil
- Kekacang yang dimasak hingga lembut dan dilecek
- Kekisi ikan yang kecil (buang semua tulang dahulu!)

Storing and keeping baby's food

Many mothers, especially working mothers, find that it saves time to prepare baby's meals for the entire week ahead during the weekend. The food can be kept in the freezer in small portions. When it's time for baby to eat, just thaw the required portions of the frozen food, add some vegetables and heat until boiling.

Here is how you can store baby's food using an ice cube tray.



Menyimpan makanan bayi anda

Ramai ibu, terutama yang bekerja, mendapati yang mereka boleh menjimat masa dengan menyediakan makanan bayi pada hujung minggu untuk bekalan seminggu. Makanan tersebut boleh disimpan di dalam pembeku dalam bahagian-bahagian kecil. Apabila hendak memberi bayi makan, cairkan sahaja seberapa banyak bahagian makanan beku yang diperlukan. Tambah sayur dan didihkan.

Berikut adalah cara anda boleh menyimpan makanan bayi menggunakan bekas kiub ais.

Using an ice cube tray

1. Clean the ice cube tray with warm soapy water.
2. Pour your puree into the ice cube tray.
3. Cover the tray with plastic wrap.
4. Place the tray in your freezer. You can store food for up to a month in this manner.
5. If you run out of space in the ice cube tray, you can pop out the cubes and keep them in a freezer bag. Make sure you label and date the bag.
6. To thaw the "baby food cubes", place the required number of cubes in a small bowl and place this bowl in a bigger bowl containing hot water. The cubes will thaw after 10 to 20 minutes.

Menggunakan bekas kiub ais

1. Cuci bekas kiub ais dengan air suam yang bersabun.
2. Tuang puri anda ke dalam bekas kiub ais.
3. Tutup bekas dengan pembalut plastik.
4. Letak bekas ke dalam pembeku. Dengan mengguna cara ini, anda boleh simpan makanan sehingga sebulan.
5. Jika anda tidak cukup tempat, anda boleh keluarkan kiub-kiub dan simpan di dalam beg plastik pembeku. Pastikan anda melabel nama hidangan dan tarikh pada beg.
